KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 15 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KPWKM LULUSKAN PERMOHONAN PENUBUHAN PAWE DI SABAH DAN SARAWAK** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/kpwkm-luluskan-permohonan-penubuhan-pawe-di-sabah-dan-sarawak-x8pmfoa | ASTROAWANI.COM |
| | https://tvstv.my/2023/11/14/parlimen-penubuhan-empat-pawe-baharu-termasuk-di-sarawak-diluluskan/ | TVSTV.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/tubuh-pawe-cadangan-bakal-dinilai-berdasarkan-garis-panduan-kpwkm | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=5YdEAn63azY | YOUTUBE |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2244330 | BERNAMA.COM |
| | https://thesun.my/local/161-pawe-established-as-of-october-2023-nancy-CD11746235 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2244290 | BERNAMA.COM |
| | https://selangorkini.my/2023/11/161-pusat-aktiviti-warga-emas-beroperasi-libat-lebih-50000-ahli/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/471682 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **'GOVT SHOULD HOLD NEGLIGENT PARENTS ACCOUNTABLE UNDER CHILD ACT'** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/978291/govt-should-hold-negligent-parents-accountable-under-child-act | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **EXPERTS PUSH FOR REFORMS AND INCLUSIVE POLICIES TO BRIDGE GAPS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/14/experts-push-for-reforms-and-inclusive-policies-to-bridge-gaps | THESTAR.COM.MY |

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **SOP BAHARU ELAK ANAK TERTINGGAL DALAM KERETA MEMBEBANKAN, BUKAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA TASKA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176656/sop-baharu-elak-anak-tertinggal-dalam-kereta-membebankan-bukan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/kuat-kuasa-seksyen-31-akta-kanak-kanak-2001/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **KSU, KP PERLU BERANI TAMAT PERKHIDMATAN KONTRAKTOR BERPRESTASI RENDAH - KSN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ksu-kp-perlu-berani-tamat-perkhidmatan-kontraktor-berprestasi-rendah-ksn-445978 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.getaran.my/artikel/semasa/53946/ksu-kp-perlu-berani-tamat-perkhidmatan-kontraktor-berprestasi-rendah-ksn | GETARAN.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/14/sec-gens-d-gs-must-be-bold-to-terminate-services-of-under-performing-contractors-says-chief-secretary-to-govt/102020 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/14/govt-chief-secretary-urges-ministries-to-utilise-unspent-allocations | THESTAR.COM.MY |
| | https://selangorjournal.my/2023/11/be-bold-to-terminate-services-of-under-performing-contractors-says-minister/ | SELANGORJOURNAL.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **STR RM10 BILION MANFAATKAN 8.7 JUTA PENERIMA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/14/str-rm10-bilion-manfaatkan-8-7-juta-penerima/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/str-rm10-bilion-peruntukan-disediakan-pemohon-boleh-semak-menerusi-tiga-cara | BERITA.RTM.GOV.MY |

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **38,000 SUKARELAWAN SV SEDIA DIGERAKKAN BANTU BANJIR DI JOHOR** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/38000-sukarelawan-sv-sedia-digerakkan-bantu-banjir-di-johor-445842 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/38000-sukarelawan-sv-bersedia-bantu-mangsa-banjir/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KATA-KATA NISTA BAKAR SEMANGAT!** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1030013/kata-kata-nista-bakar-semangat | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **BANJIR KILAT: 43 MANGSA DI KUBANG PASU DIPINDAHKAN KE PPS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kilat-43-mangsa-di-kubang-pasu-dipindahkan-ke-pps-445867 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **JKKK DIGESA BERTINDAK SEBAGAI EJEN PERUBAHAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/14/jkkk-digesa-bertindak-sebagai-ejen-perubahan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **TEBALKAN MUKA HUTANG KEDAI RUNCIT DEMI 5 ANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030076/tebalkan-muka-hutang-kedai-runcit-demi-5-anak | HMETRO.COM.MY |

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SARAWAK SIAP SIAGA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-siap-siaga-hadapi-monsun-timur-laut-446007 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **BERI PELUANG PEKERJAAN BEKAS ATLET NEGARA** | |
| | https://suarasarawak.my/beri-peluang-pekerjaan-bekas-atlet-negara/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **OKU PENGLIHATAN KUASAI AL-QURAN BRAILLE** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/11/1176692/oku-penglihatan-kuasai-al-quran-braille | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **PENYELIDIK UMT BANTU OKU PENGLIHATAN TANAM MELON MANIS** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/14/penyelidik-umt-bantu-oku-penglihatan-tanam-melon-manis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **KESELAMATAN WANITA GUNA PENGANGKUTAN AWAM DIPERTINGKAT** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/keselamatan-wanita-guna-pengangkutan-awam-dipertingkat/ | UTUSAN.COM.MY |

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **MAYAT WANITA DITEMUKAN SEPARUH BOGEL, DIKELAR DIPERCAYAI DIROGOL** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-wanita-ditemukan-separuh-bogel-dikelar-dipercayai-dirogol-445996 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/634509/berita/semasa/mayat-wanita-ditemukan-separuh-bogel-dikelar-dipercayai-dirogol | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-separuh-bogel-ditemukan-maut-dipercayai-disamun-dirogol/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1176951/penebar-roti-canai-wanita-disamun-rogol-sebelum-dibunuh | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1030243/pembuat-roti-canai-disamun-dirogol-sebelum-dibunuh | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/14/mayat-wanita-disyaki-mangsa-rogol-ditemukan-di-dalam-semak | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **LELAKI DERA ANAK TEMAN WANITA HINGGA MENINGGAL DIBURU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1176911/lelaki-dera-anak-teman-wanita-hingga-meninggal-diburu | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030209/polis-buru-lelaki-disyaki-dera-anak-teman-wanita-hingga-sebabkan-kematian | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **PEMANDU BAS WANITA BERKELAKUAN TIDAK SENONOH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/pemandu-bas-wanita-berkelakuan-tidak-senonoh/ | UTUSAN.COM.MY |

15/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **BRINGING DEEPAVALI CHEER TO HOME** | |
| | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2023/11/14/bringing-deepavali-cheer-to-home | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **TANGKAP CIKGU 'GATAL' MANDIKAN PELAJAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1030086/tangkap-cikgu-gatal-mandikan-pelajar | HMETRO.COM.MY |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AMARAN HUJAN BERTERUSAN DI PANTAI TIMUR, UTARA SEMENANJUNG MULAI ESOK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Amaran hujan berterusan di Pantai Timur, utara Semenanjung mulai esok

## Angin kencang, laut bergelora juga dijangka berlaku di Laut China Selatan

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my



*Hujan lebat dijangka berterusan selama tiga hari bermula esok hingga Sabtu ini.* (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

**Kuala Lumpur:** Luruan monsun dijangka berlaku di Pantai Timur dan utara Semenanjung serta timur Sabah selama tiga hari bermula esok hingga Sabtu ini.

Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Muhammad Helmi Abdullah, berkata keadaan itu boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi membawa hujan berterusan di Pantai Timur dan utara Semenanjung serta timur Sabah dalam tempoh berkenaan.

"Pada masa sama, angin kencang dan laut bergelora juga dijangka berlaku di Laut China Selatan.

"MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) yang membabitkan negeri Kelantan dan Terengganu berkuat kuasa pada 16 (esok) hingga 18 November 2023 (Sabtu)," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, bagi Pahang dan Sabah pula berkuat kuasa pada Jumaat hingga Ahad ini.

### Berterusan selama tiga hari

"Amaran angin kencang dan laut bergelora bagi perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang turut berkuat kuasa pada 16 hingga 19 November 2023.

"Orang awam dinasihatkan rujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi myCuaca bagi maklumat yang terkini dan sahih," katanya.

> "MET Malaysia telah mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) yang membabitkan negeri Kelantan dan Terengganu berkuat kuasa pada 16 (esok) hingga 18 November 2023 (Sabtu)"



*Muhammad Helmi Abdullah,*
*Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPM TAMBAH WARDEN CEGAH KES BULI DI SEKOLAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Sidang Dewan Rakyat

# KPM tambah warden cegah kes buli di sekolah

## Sistem rumah di asrama antara usaha hasilkan modal insan berilmu

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan (KPM) telah menambah bilangan warden sebanyak 63 peratus sejak 1 Ogos 2022 dengan julat sekurang-kurang tiga orang di sebuah asrama, sebagai langkah mencegah kes buli.

Menterinya Fadhlina Sidek, berkata KPM juga mengadakan kempen peningkatan kemahiran kepada warden serta ketua warden dari semasa ke semasa, bersesuaian dengan tugas mereka seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah (MySG).

"Selain itu, kementerian melaksanakan sistem rumah di asrama sebagai antara usaha menghasilkan modal insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemampanan sahsiah dan kesejagatan kepimpinan, serta melakukan program sahsiah unggul murid di sekolah menengah.

"Kami telah menjalankan semua program itu, termasuk perkara yang dilaksanakan bawah Garis Panduan Intervensi Buli, di semua institusi KPM," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Kalam Salan (PN-Sabak Bernam) berhubung langkah pencegahan yang diambil oleh kementerian supaya kes buli tidak berlaku.

### Pandang serius

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, KPM sentiasa memandang serius mengenai soal kebajikan dan keselamatan murid bawah kementerian itu, termasuk yang berkait isu berkenaan.

Bagi kes buli yang berlaku di sekolah, beliau berkata, mangsa serta pelaku akan dirujuk kepada guru Bimbingan dan Kaunseling untuk sesi kaunseling, selain kementerian turut mempunyai pasukan bagi menangani isu terbabit.

"Guru Bimbingan dan Kaunseling akan melakukan intervensi bersesuaian bagi memastikan intervensi yang berkaitan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid, terjaga secara berterusan sebagai bentuk perlindungan sementara di sekolah untuk melindungi mangsa ketika siasatan dilakukan.

"Semua kes buli perlu dirujuk kepada pengetua untuk tindakan lanjut," katanya ketika menjawab soalan tambahan Dr Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani) mengenai langkah kementerian mencegah masalah kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli serta ibu bapa mereka melalui sesi kaunseling dan tempohnya.

Selain itu, beliau berkata, pihak sekolah akan memantau disiplin murid, sementara menunggu proses siasatan atau prosiding mahkamah selesai.

BERNAMA



*Semua kes buli perlu dirujuk kepada pengetua sekolah untuk tindakan lanjut.*
(Foto hiasan)

> KPM juga mengadakan kempen peningkatan kemahiran kepada warden serta ketua warden dari semasa ke semasa, bersesuaian dengan tugas mereka seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah



***Fadhlina Sidek,***
*Menteri Pendidikan*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERATURAN BAHARU BEBANKAN PENGUSAHA, PENGASUH TASKA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

### Kes kanak-kanak tertinggal dalam kereta

# Peraturan baharu bebankan pengusaha, pengasuh taska

## Tak wajar dijadikan SOP, tanggungjawab ibu bapa pastikan keselamatan anak

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peraturan baharu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi mengelak kejadian anak tertinggal dalam kereta membebankan pengusaha dan pengasuh taska dan tadika.

Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Anisa Ahmad, berkata langkah mewajibkan pengendali taska dan tadika segera menghubungi ibu bapa sekiranya mendapati ada anak tidak hadir ke kelas seperti biasa satu bebanan, disebabkan mereka turut mempunyai tanggungjawab lain, khususnya berkaitan keselamatan kanak-kanak.



Anisa Ahmad

"Untuk kami memikul tanggungjawab ibu bapa tidak adil kerana kami tidak mengasuh hanya seorang anak.

"Ibu bapa wajib mengambil tanggungjawab iaitu memastikan keselamatan anak mereka ketika dijaga mereka.

"Untuk menjadikan prosedur operasi standard (SOP) bagi taska memastikan anak itu hadir ke taska, satu bebanan kerana kami mempunyai tanggungjawab yang lain iaitu untuk memastikan anak ini dalam dalam keadaan yang sihat, merekod perkembangan, menjalankan aktiviti dan lain-lain," katanya semalam.

Media melaporkan kementerian itu mewajibkan pengendali taska dan tadika untuk segera menghubungi ibu bapa jika ada anak mereka tidak hadir ke kelas bagi mengelak kejadian ibu bapa tertinggal anak di dalam kereta.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata langkah itu dilaksanakan susulan kekerapan kes kanak-kanak maut selepas ibu bapa terlupa dan meninggalkan mereka dalam kereta.



Ibu bapa harus main peranan jayakan SOP baharu taska

Keratan akhbar BH semalam.

Rabu lalu, seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun ditemui meninggal dunia selepas dipercayai tertinggal di dalam kereta di Ara Damansara, Petaling Jaya.

Pada 25 Oktober lalu, seorang bayi perempuan berusia 16 bulan meninggal dunia selepas ditemui tidak sedarkan diri dalam kereta di sebuah universiti awam di Kuala Nerus.

Pada 6 Oktober lalu, seorang bayi perempuan berusia lapan bulan maut selepas ditinggalkan hampir 10 jam dalam kereta ibunya dari pagi hingga petang di kawasan parkir kenderaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras.

Pada 14 Mac lalu, seorang bayi perempuan berusia dua tahun meninggal dunia selepas empat jam ditinggalkan dalam kereta oleh ibunya di kawasan parkir sebuah kolej kemahiran di Port Dickson.

### Gaji pengasuh tak tinggi

Mengulas lanjut, Anisa menegaskan, tugas ibu bapa memastikan kesihatan serta keselamatan anak sampai di taska dan jika tanggungjawab itu menjadi SOP, itu akan menjadi tanggungjawab taska sepenuhnya.

"Jadi di mana pula tanggungjawab ibu bapa? Bila tanggungjawab ibu bapa diberi kepada pengusaha dan pengasuh, bebanan kerja mereka bertambah. Bertambahlah juga tekanan kerja kepada pengasuh," katanya.

Anisa berkata, gaji pengasuh juga tidak tinggi dan tidak setanding dengan tekanan serta bebanan kerja yang dihadapi mereka.

"Bila kami hendak naikkan yuran taska, ramai yang marah, tetapi kami sentiasa disogokkan dengan bebanan kerja yang sepatutnya dikongsi bersama dengan ibu bapa.

"Perlu diingatkan kami adalah ibu bapa ganti yang bersifat sementara yang mengasuh dan mendidik anak mereka ketika mereka bekerja, bukannya menjaga anak mereka sepenuh masa," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TABIKA KEMAS SEDIA LAHIRKAN GENERASI HUFFAZ | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tabika KEMAS sedia lahirkan generasi huffaz



Wartawan BH

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

**Ibarat** melentur buluh daripada rebungnya, program rintis tabika pratahfiz yang bakal diperkenalkan di tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mencerminkan iltizam Kerajaan Perpaduan menerapkan asas al-Quran secara menyeluruh menerusi pendidikan awal kanak-kanak.

Bayangkan mendengar anak seawal usia empat atau lima tahun melantunkan kalimah suci al-Quran dengan sebutan dan tajwid sempurna, selain menghafal surah demi surah yang ada kalanya sukar dilakukan orang dewasa sendiri.

Peruntukan RM20 juta menerusi Belanjawan 2024 dibentang Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi pelaksanaan modul tahfiz di tabika KEMAS, dengan segera dimanfaatkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Hasrat melahirkan 100,000 huffaz menjelang 2026 diterjemahkan pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian antara KEMAS dan Yayasan Pahang bagi Program Tabika Pratahfiz di Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM) Kemas Kampung Sri Batu di ibu negara, baru-baru ini.

Majlis dihadiri Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mengilhamkan sendiri program itu, disaksikan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Bagi merealisasikan program terbabit, kurikulum sedia ada di tabika KEMAS akan diperkukuh dan dimasukkan dengan input baharu merangkumi ilmu al-Quran, akidah, ibadat dan akhlak.

Program itu juga menjadi antara Hala Tuju Strategik (HATS) KKDW dalam Membangun Modal Insan Desa Secara Komprehensif sejajar usaha memperkasakan pendidikan al-Quran kepada kanak-kanak.



*Program tabika pratahfiz dijalankan di 10,843 tabika KEMAS dalam usaha memperkasa pendidikan al-Quran kanak-kanak.* (Foto hiasan)

Dalam aspek ini, Timbalan Pengerusi Yayasan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan (PINTA), Mohd Gunawan Che Ab Aziz menyifatkan usaha KKDW ini pendekatan bijak kerana modul tahfiz dimasukkan dalam sistem pendidikan negara.

Program ini menjadikan pembudayaan al-Quran tidak lagi terhad kepada institusi tahfiz atau pusat pengajian persendirian menawarkan program sedemikian, sebaliknya diarusperdanakan seawal peringkat tabika.

Sentimen sama turut dikongsi Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Mohd Meeftah Anuar, yang melihat program itu konsisten dengan konsep Malaysia MADANI gagasan pentadbiran Anwar.

Didikan mendalami al-Quran pada peringkat awal usia seperti perancangan KKDW katanya, akan membawa kepada proses memperkukuh ilmu akidah, syariat dan akhlak secara serentak.

Program tabika pratahfiz akan dijalankan di 10,843 tabika KEMAS dalam usaha memperkasa pendidikan al-Quran untuk kanak-kanak, berpandukan modul diguna pakai di 21 tadika Tahfiz Negeri Pahang (TTNP), Yayasan Pahang.

Ia dibangunkan secara bersama oleh Yayasan PINTA yang menaungi maahad tahfiz di seluruh negara dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi penyediaan pedagogi atau kaedah pengajaran kepada guru Kemas.

Apa yang penting, dalam arus kemodenan dan perluasan maklumat secara massa menerusi media sosial, program berkenaan membuktikan komitmen Ahmad Zahid ke arah meningkatkan syiar Islam secara sistematik dalam sektor pendidikan pra sekolah di negara ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DAH TAK SANGGUP 'TEBAL MUKA' HUTANG DENGAN KEDAI RUNCIT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dah tak sanggup 'tebal muka' hutang dengan kedai runcit

**Kota Bharu:** Seorang wanita tabah menyara keluarga selepas suaminya tidak lagi mampu bekerja susulan penyakit angin ahmar dihidapi sejak sembilan tahun lalu.

Lebih menyedihkan lagi, Norliza Othman, 43, juga buntu mencari sumber kewangan bagi membolehkan anak keduanya, Mohamad Zaiful Fitri Rosdi, 19, menjalani pembedahan memasukkan besi pada bahagian tangan kiri yang mengalami retak tulang akibat kemalangan jalan raya seminggu lalu.

Norliza berkata, anaknya itu perlu menjalani pembedahan memasukkan besi di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) pada 18 November ini dengan anggaran kos RM3,000.

"Saya tidak tahu di mana perlu mencari sumber kewangan memandangkan suami, Rosdi Sulaiman, 50, yang sebelum ini bekerja sebagai nelayan tidak lagi mampu turun ke laut disebabkan masalah kesihatan.

> *Saya sudah biasa hidup susah, namun apabila melihatkan wajah anak, kerap air mata ini jatuh"*
>
> **Norliza**

"Bagi menyara keluarga, saya hanya mengambil upah menjahit pakaian dan langsir dengan pendapatan yang tidak menentu. Pada masa sama perlu menyara lima anak yang masih bersekolah.

"Bagaimanapun, beban kewangan yang ditanggung sedikit ringan apabila lima anak yang bersekolah mendapat bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM150 setiap seorang," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Sabak di sini, semalam.

Ibu kepada lapan anak ini berkata, adakalanya untuk kelangsungan hidup dia terpaksa menebalkan muka berhutang dengan kedai runcit berhampiran rumahnya selain mengharapkan ihsan saudara mara.

"Hutang di kedai runcit sentiasa ada sehinggakan saya sudah berasa malu untuk terus berhutang membeli barang keperluan, tetapi demi anak saya tebalkan muka kerana jika tidak, kami akan berlapar.

"Saya sudah biasa hidup susah, namun apabila melihatkan wajah anak, kerap air mata ini jatuh kerana tidak mampu memberi keselesaan buat mereka.

"Dua anak saya termasuk yang terbabit dalam kemalangan menjadi tulang belakang kepada keluarga, namun kini hanya anak sulung, Jamatun Adawiah, 22, yang bekerja di sebuah kilang di Pengkalan Chepa membantu meringankan beban keluarga," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun **Maybank bernombor 153039019897** atas nama Norliza Othman.



NORLIZA menunjukkan tangan kiri Mohamad Zaiful Fitri yang mengalami keretakan tulang selepas terbabit dalam kemalangan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARDEN DISYAKI LAKU AMANG SEKSUAL DITAHAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


MANCHA

# Warden disyaki laku amang seksual ditahan

**Kuching:** Seorang guru yang juga warden asrama sebuah sekolah di Padawan di sini ditahan kerana disyaki melakukan amang seksual terhadap pelajar lelaki sekolah berkenaan.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mancha Ata berkata, guru lelaki berusia 40-an itu ditahan selepas polis menerima laporan daripada penjaga mangsa jam 3.55 petang Ahad lalu.

Katanya, kejadian berlaku apabila suspek membawa pelajar lelaki berusia 15 tahun itu ke rumahnya dengan alasan mahu menjaga mangsa yang demam.

"Bagaimanapun ketika memandikan mangsa, suspek menyentuh mangsa secara seksual," katanya.

Mancha berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

"Jika sabit kesalahan suspek boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan dikenakan hukuman sebat.

"Orang ramai harus lebih peka terhadap kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Ini kerana kejadian itu boleh memudaratkan kesihatan emosi dan mental mangsa berpanjangan.

"Kegagalan memberi maklumat mengenai perlakuan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak boleh didenda tidak lebih RM5,000," katanya.

**"Kejadian berlaku apabila suspek membawa pelajar lelaki berusia 15 tahun itu ke rumahnya dengan alasan mahu menjaga mangsa yang demam"**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 90PC OF SCHOOL BULLYING CASES SOLVED IN 15 DAYS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Education Minister Fadhlina Sidek says the ministry has outlined the standard operating procedures that schools must follow whenever there is a report of bullying.* PIC COURTESY OF INFORMATION DEPARTMENT

'PORTAL ADUAN BULI'

# 90PC OF SCHOOL BULLYING CASES SOLVED IN 15 DAYS

Procedures set in SOP in dealing with culprits, Fadhlina tells Dewan Rakyat

**KUALA LUMPUR**

A TOTAL of 90 per cent of bullying cases in schools have been resolved within 15 days after being reported through the Education Ministry's "Portal Aduan Buli", the Dewan Rakyat was told yesterday.

Education Minister Fadhlina Sidek said that unresolved cases required additional investigations of more than 15 days, depending on the cases reported.

"Every report regarding bullying cases will be investigated according to established procedures," she said in response to Mohamed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani).

Taufiq had asked about the action taken to address the effects of bullying among students and its impact on mental health.

Fadhlina said the ministry had guidance counselling teachers in schools to address such issues.

"These teachers will provide appropriate interventions closely related to the wellbeing, safety and welfare of students.

"It serves as a temporary form of protection at school to safeguard the victims during the investigation.

"All bullying cases also need to be reported to the school's principal or headmaster for further action."

Fadhlina said the ministry had outlined the standard operating procedures (SOP) that schools must follow whenever there is a report of bullying.

She said this in her reply to the initial question from Kalam Salan (PN-Sabak Bernam).

Kalam asked on the SOP carried out by the schools every time there is a complaint about student bullying, to what extent cases of bullying at school are reported to the police and what action is taken in court.

Among them include contacting the parents or guardians of the students involved (perpetrator and victim), accompanying students to the nearby government clinic or one-stop crisis centre for physical examination or emotional distress, ensuring the report received is recorded in the "Sistem Sahsiah Diri Murid", ensuring the initial report is completed according to the circular letter on the matter and submitting the initial report to the district education office, state Education Department and the ministry.

"For bullying cases unrelated to criminal offences under the law, the school will handle them according to the categories of disciplinary offences.

"For cases reported to the police, the school will assist the police by providing relevant documents to complete the investigation process."

She said the police report was usually made by the doctor treating the victim or the victim's family.

"The next action depends on the police investigation and the deputy public prosecutor's decision."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEACHER HELD OVER SUSPECTED SEXUAL ABUSE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


AGAINST MALE STUDENT

# Teacher held over suspected sexual abuse

**KUCHING:** A teacher, who also serves as a dormitory warden at a school in Padawan here, has been arrested on suspicion of committing sexual abuse against a male student at the school.

Sarawak Police Commissioner Datuk Mancha Ata said the male teacher in his 40s was arrested after the police received a report from the victim's guardian last Sunday at 3.55pm.

Mancha said the incident took place when the suspect brought the 15-year-old male student to his home to attend to him as he was sick.

"However, as the victim was taking a bath, the suspect touched him in a sexually inappropriate manner."

If found guilty, he could face imprisonment of up to 20 years and corporal punishment.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 149 ATTEND METHODIST WOMEN CONFERENCE IN MIRI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 149 attend Methodist Women conference in Miri

Norni Mahadi

**MIRI:** A total of 149 delegates attended the Methodist Women-Sarawak Iban Annual Conference (MW-SIAC) in Miri recently.

MW-SIAC president Lily Dosson said the annual conference was first held in 1963 and divided into five divisions comprising Sibu, Sibu Jaya, Kapit, Sarikei and Bintulu.

"Thirty-three sub-branches of women's groups were established according to respective churches.

"As of November this year, 1,030 Iban women members are registered with the Methodist Women's group."



Lily (front, fifth left) with the conference delegation members.

Lily said the conference was then followed by a dinner to celebrate the 60th anniversary of the establishment of MW-SIAC as part of the Malaysian General Conference of Women (GCWM) of the Methodist Church.

Unit for Other Religions (Unifor) director Datuk Jack Aman Luat represented Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas as the guest of honour to officiate the dinner.

Lily said the dinner was to raise funds to refurbish the MW-SIAC House in Jalan Sukun, Ulu Lanang, Sibu.

"The renovated building will house a multi-purpose hall and ministry centre for MW-SIAC," she said.

At the dinner, Jack announced an allocation of RM100,000 from Unifor for the project fund to repair and renovate the WM-SIAC House in Jalan Sukun.

In her speech, Lily expressed her hope that they would be able to collect additional funds in future events to supplement the existing funds, ensuring that the project can be initiated and completed in the coming years.

During the dinner, the MW SIAC gave a Special Recognition Award to the permanent secretary to the Ministry of Transport Sarawak Dato Alice Jawan Empaling for her leadership in the MW.

Lily said that Alice has made a difference in ensuring the MW has utilities and connectivity.

"She always put Methodist Women in the general and local conferences among her top priorities. We are very proud to award her with the award."

In addition, she conveyed her gratitude to MW-SIAC, Chinese Methodist churches, Anglican churches and those who have personally donated in helping to make the 60th anniversary dinner and the conference successful.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NANCY: 161 PAWE ESTABLISHED NATIONWIDE AS OF OCTOBER 2023 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

National

# Nancy: 161 Pawe established nationwide as of October 2023

**KUALA LUMPUR:** A total of 161 Senior Citizens' Activity Centres (Pawe) have been established and are operational nationwide, benefitting over 50,000 members from diverse religious, ethnic and socioeconomic backgrounds as of October.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said for this year alone, the ministry approved the establishment of four new Pawe – in Perak, Sabah, Sarawak and Terengganu.

"Those who wish to establish a Pawe in their area can submit a proposal to the nearby District Social Welfare Office and it will be evaluated based on several criteria such as the number of senior citizens, location, selection of premises and the driving community," she said in the Dewan Rakyat yesterday.

She was answering a question from Wong Kah Woh (PH-Taiping) about the number of Pawe that still exist and are active, and whether the government planned to allow the establishment of new Pawe. — Bernama

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SCHOOL TEACHER ARRESTED FOR ALLEGEDLY MOLESTING TWO MALE STUDENTS | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |




Mancha addresses the press conference.

# School teacher arrested for allegedly molesting two male students

Sam Chua

**KUCHING:** Police have arrested a secondary school teacher here for allegedly molesting two male students.

Sarawak Police Commissioner Datuk Mancha Ata said the suspect was immediately arrested after the students' parents lodged police reports on Nov 12.

"The parents have alleged their children were molested by the teacher, who was also the male hostel's warden at the school," he told a press conference at the state police headquarters here yesterday.

Mancha said the case is being investigated under Section 14(a) of the Sexual Offences against Children Act 2017 (Act 792), which carries a maximum sentence of 20 years in prison and caning.

As the 15-year-old victims were under the care and supervision of the suspect as a teacher and hostel warden, he said an additional punishment could be meted out under Section 16 of the same Act with an additional maximum five years' jail and at least two strokes of the cane upon conviction.

"The public have been advised to be alert about cases involving sexual offences against children because such incidents will be detrimental to the long-term emotional and mental health of the children," he said.

Mancha also warned that individuals who fail to provide information related to sexual offences against children would be subject to an RM5,000 fine under Section 19 of the same Act.

It is understood both incidents took place last year.

In the first incident, one of the victims was resting at the school when he was allegedly molested.

In the second incident, the suspect is said to have brought the other student back to his quarters located within the school compound because the teenager had a fever.

There the teacher allegedly touched the victim sexually while supposedly helping to bathe the boy.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EARLY WARNING FOR FLOODS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Early warning for floods

## Heavy rain predicted in three states as govt prepares for evacuation

**TEMERLOH:** At least five areas in three states are expected to experience an unusual amount of rainfall identified in the flood early warning system, says Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Among the areas are Temerloh in Pahang, Segamat and Kota Tinggi in Johor, and Kota Belud and Marudu in Sabah.

He said the flood early warning system will serve as a guide for the early evacuation of residents in affected areas before the extraordinary rainfall during the northeast monsoon occurs.

The system's pattern is determined by the prevalence of floods, he added.

"All parties have been coordinated so that evacuations (can be done) earlier because, most importantly, we want to avoid the loss of life as well as save property and important documents.

"That's why we need to take proactive measures. The relief centres also need to be prepared. We hope all these preparations can overcome the problems (that have happened before)," he said.

Ahmad Zahid was speaking after inspecting the implementation of Phase 1 of the Sungai Semantan Integrated River Basin Development project and visiting the relief centre at SMK Seberang Temerloh yesterday, Bernama reported.

Also present were Pahang Mentri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail and Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Mohd Ali.

Ahmad Zahid said compassionate money will only be provided to those who relocate to flood relief centres.

"A problem arises when people who do not move request to have their names registered (for compassionate money).

"They have to move because this is the rule that must be followed," he said.

The Rural and Regional Development Minister reiterated that the government will assist everyone and rejected any negative sentiment regarding channelling aid to those affected by floods.

He said Temerloh's flood management is one of the best, even though it had to simultaneously handle 39,000 evacuees in the relief centres.

During his visit, Ahmad Zahid also approved the acquisition of 14 boats and equipment worth RM259,000 and the allocation for the construction of houses for five residents affected by the PLSB project as well as RM5mil for the construction of a closed hall at SMK Seberang Temerloh.

He also announced assistance of RM5,000 to each of the 5,100 flood-affected homeowners in 2021 and 2022 who had yet to receive aid and approved the allocation application under the Area Development Programme (PPK) under KKDW for the relocation of flood-affected residents in Lanchang and Mentakab here.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NUMBER OF GOVT SCHOOL WARDENS INCREASED | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Number of govt school wardens increased

**KUALA LUMPUR:** The Education Ministry has increased the number of school hostel wardens by 63%, beginning Aug 1, 2022, with a minimum of three wardens in each dormitory to prevent bullying in schools, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Education Minister Fadhlina Sidek said the ministry also conducts upskilling for wardens and head wardens from time to time in accordance with the School Governance Guidelines for wardens.

She said the ministry has instituted the home system within school dormitories as part of efforts to develop human capital with knowledge and outstanding personality traits, in addition to programmes to build student character in secondary schools.

"All these programmes have been carried out, including those implemented under the Bullying Intervention Guidelines, in all educational institutions under the ministry," she said during Minister's Question Time.

She was replying to a supplementary question from Kalam Salan (PN-Sabak Bernam) on measures taken by the ministry to prevent bullying in schools.

Fadhlina said the ministry prioritises the welfare and safety of students in all institutions under its purview, adding that for cases that occurred in schools, both victims and perpetrators would be referred to counselling teachers for guidance sessions.

"The ministry has a team to deal with the issues. The teachers will provide appropriate intervention and protection for the welfare and safety of the victims while an investigation into the case is being carried out. All bullying cases must be reported to the principal for further action," she said in response to a supplementary question from Mohamed Taufik Johari (PH-Sungai Petani) on action taken by the ministry to address the impact of bullying on the mental health of students. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 161 PAWE DITUBUHKAN SEHINGGA OKTOBER 2023 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**BAHAS:** Nancy ketika Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen semalam. — Gambar Bernama

# 161 PAWE ditubuhkan sehingga Oktober 2023

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 161 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ditubuhkan dan beroperasi di seluruh negara dengan penyertaan lebih 50,000 ahli terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, bangsa dan sosioekonomi setakat Oktober lepas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata untuk tahun ini sahaja, pihaknya meluluskan permohonan penubuhan empat PAWE baharu di Perak, Sabah, Sarawak dan Terengganu.

"Pihak yang berhasrat menubuhkan PAWE di kawasan mereka boleh mengemukakan cadangan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran dan ia akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria seperti bilangan warga emas, lokasi, pemilihan premis dan komuniti penggerak," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Wong Kah Woh (PH-Taiping) yang ingin tahu jumlah PAWE masih wujud dan aktif serta sama ada kerajaan bercadang membenarkan penubuhan PAWE baharu.

Nancy berkata PAWE merupakan pusat aktiviti yang ditubuhkan melalui pembabitan komuniti serta pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) tetapi disokong oleh kerajaan melalui penyaluran bantuan kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya.

"Ia bertujuan memupuk dan menyokong Dasar Warga Emas Negara bagi mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat serta positif," katanya.

PAWE merupakan tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti serta merupakan satu perkhidmatan bercorak penjangkauan sosial pembangunan menyasarkan kepada warga emas yang sihat serta dapat menguruskan diri. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMENTERIAN TAMBAH WARDEN 63 PERATUS ATASI KES BULI: FADHLINA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kementerian tambah warden 63 peratus atasi kes buli: Fadhlina

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pendidikan (KPM) telah menambah bilangan warden sebanyak 63 peratus bermula 1 Ogos 2022 dengan julat sekurang-kurangnya tiga orang di sebuah asrama sebagai langkah pencegahan kes buli, kata Menterinya Fadhlina Sidek.




Fadhlina berkata KPM juga mengadakan kempen peningkatan kemahiran kepada warden dan ketua warden dari semasa ke semasa bersesuaian dengan tugas warden seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah (MySG).

"Selain itu, kementerian juga melaksanakan sistem rumah di asrama sebagai antara usaha untuk menghasilkan modal insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemampanan sahsiah, kesejagatan kepimpinan serta melakukan program sahsiah unggul murid di sekolah menengah.

"Jadi semua program ini kami telah jalankan termasuk dengan perkara yang dilaksanakan di bawah Garis Panduan Intervensi Buli, di semua institusi KPM," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Kalam Salan (PN-Sabak Bernam) berhubung langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kementerian supaya kes buli tidak berlaku.

Sementara itu, Fadhlina berkata kementerian sentiasa memandang serius tentang soal kebajikan dan keselamatan murid di bawah kementerian itu yang berkait dengan isu berkenaan.

Menurutnya bagi kes yang yang berlaku di sekolah, mangsa dan pelaku akan dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk sesi kaunseling, selain kementerian turut mempunyai pasukan tersebut untuk menangani isu berkenaan.

"Guru bimbingan dan kaunseling akan melakukan intervensi yang bersesuaian untuk memastikan intervensi yang berkaitan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan murid terjaga secara berterusan sebagai bentuk perlindungan sementara di sekolah bagi melindungi mangsa sewaktu siasatan dilakukan.

"Semua kes buli perlu dirujuk kepada pengetua untuk tindakan selanjutnya," katanya ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Mohamed Taufik Johari (PH-Sungai Petani) bagaimana kementerian mencegah masalah kesihatan mental dalam kalangan mangsa buli serta ibu bapa mereka menerusi sesi kaunseling serta tempohnya.

Selain itu, Fadhlina berkata pihak sekolah akan memantau disiplin murid sementara menunggu proses siasatan atau prosiding mahkamah selesai. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENCARIAN LELAKI OKU DILAPORKAN HILANG MASIH GIAT DIJALANKAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**PENCARIAN:** Usaha pencarian pasukan mencari dan menyelamat di kawasan berhampiran Sungai Telian, Durin, Sibu masih gagal menemui petunjuk mangsa sehingga jam 5 petang semalam.

# Pencarian lelaki OKU dilaporkan hilang masih giat dijalankan

**SIBU:** Pencarian seorang lelaki yang merupakan orang kurang upaya (OKU) dilaporkan hilang di kawasan Sungai Telian, Durin dekat sini pada Ahad lalu masih giat dijalankan.

Mangsa yang dikenali Kong Chak Ming, 21, disedari hilang oleh ayahnya jam 7 pagi apabila tidak berada di rumahnya dan sehingga kini masih gagal dikesan.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata mangsa dikatakan memakai kemeja-T berwarna hitam dan berseluar pendek dan mempunyai bentuk fizikal kurus, tinggi lebih kurang 150cm dan berkulit kuning langsat.

"Operasi mencari dan menyelamat dijalankan oleh polis, Pasukan Gerakan Am (PGA) Sibu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Sibu dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sibu.

"Sehingga jam 5 petang hari ini (Selasa) mangsa masih gagal dikesan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Orang ramai diminta bekerjasama dengan polis membantu dan menyalurkan maklumat kepada Ketua Polis Balai Lanang melalui talian 013-8335571 atau Balai Polis Lanang di talian 084-211221 atau kepada pegawai penyiasat kes Sarjan Tinggie Entigal melalui talian 014-9555569.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TAHAN GURU DISYAKI CABUL DUA PELAJAR LELAKI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis tahan guru disyaki cabul dua pelajar lelaki

**KUCHING:** Seorang guru yang juga warden asrama ditahan polis kerana dipercayai mencabul dua pelajar lelaki sebuah sekolah menengah di sini.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata berkata, pihaknya menerima dua laporan polis pada 12 November lalu daripada penjaga dan dua mangsa yang mendakwa dicabul guru berkenaan.

"Suspek telah ditahan pada semalam (Isnin).

"Kes masih dalam siasatan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak di sini, semalam.

Menurut beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) kerana melakukan amang sesksual fizikal terhadap kanak-kanak.

"Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat," ujarnya.

Tambah Mancha, memandangkan pelaku adalah guru, dia adalah seorang yang mempunyai hubungan amanah dengan mangsa.

Ini katanya, membawa maksud mangsa berada di bawah pemeliharaan, pengawasan atau kuasanya seperti mana peruntukan di bawah Seksyen 16 Akta sama.

Beliau berkata, ia memperuntukkan hukuman tambahan penjara tidak melebihi lima tahun dan kurang daripada dua sebatan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya lebih peka dan prihatin terhadap kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

"Ini kerana kejadian sebegini boleh memudaratkan kesihatan emosi dan mental yang berpanjangan kepada kanak-kanak sekiranya tidak dibendung lebih awal," katanya.

Mancha menegaskan, Seksyen 19 Akta yang sama iaitu kegagalan memberi maklumat mengenai perlakuan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAWAR PELUANG PEKERJAAN KEPADA PELATIH JKMS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tawar peluang pekerjaan kepada pelatih JKMS

## Syarikat perindustrian disaran beri peluang pekerjaan kepada pelatih industri, kemahiran

Oleh Ambrose Rirang

**BINTULU:** Syarikat perindustrian disarankan memberi peluang pekerjaan kepada setiap pelatih industri serta kemahiran dianjurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS).

Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti Datuk Mohammad Razi Sitam berkata kumpulan sasar diberi latihan jangka masa pendek dan panjang anjuran JKMS merupakan pendekatan proaktif memberi peluang pekerjaan kepada setiap pelatih yang tamat kursus masing-masing.

"Saya melahirkan rasa bangga dan penghargaan kepada JKMS kerana dapat merancang dan melaksanakan program latihan kemahiran dan kerjaya selari dengan Pelan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Pelatih Pembangunan Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) anjuran JKMS di Institut Kemahiran MARA (IKM) di sini.

> "Saya melahirkan rasa bangga dan penghargaan kepada JKMS kerana dapat merancang dan melaksanakan program latihan kemahiran dan kerjaya selari dengan Pelan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030."
>
> **Datuk Mohammad Razi Sitam**
> *Timbalan Menteri Pembangunan Kesejahteraan Komuniti*

Pada majlis itu, seramai 39 peserta menerima sijil PLKK masing-masing bagi Kursus Basic Scaffolding Level 1.

Mohammad Razi berkata, Pelan PCDS 2030 merupakan strategi Kerajaan Sarawak membina semula pembangunan ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar yang menjadi tonggak utama memulihkan Sarawak pascapandemik COVID-19.

"Justeru, kerajaan bukan sahaja serius kepada pembangunan modal insan tetapi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negeri ini agar lebih ramai anak jati Sarawak mempunyai pekerjaan yang menyumbang pendapatan kepada keluarga," jelasnya.

Katanya, JKMS turut melaksanakan program pembangunan dan pemerkasaan kumpulan sasar dalam usaha meningkatkan pendapatan, tahap ekonomi dan taraf hidup penerima bantuan.

Beliau berkata, di bawah program ini terdapat dua skop iaitu program pembangunan keusahawanan dan program pembangunan latihan kemahiran dan kerjaya.

"Kumpulan sasar bagi program ini secara amnya merupakan ketua isi rumah atau ahli isi rumah kepada penerima bantuan dan bekas penghuni institusi kebajikan," katanya.



**TAHNIAH:** Mohammad Razi menyampaikan sijil kepada salah seorang pelatih pada majlis tersebut di IKM Bintulu semalam.